

KEMENTERIAN KEWANGAN

LAPORAN STOK HARTA TANAH

Property Stock Report

H1 2026



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
KEMENTERIAN KEWANGAN
MINISTRY OF FINANCE

© Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan laporan ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Penerbit tidak bertanggungjawab terhadap kesahihan maklumat yang terkandung dalam laporan ini. Maklumat dalam laporan ini tidak boleh digunakan dalam apa-apa timbang tara, dakwaan dan tindakan undang-undang atau sebagai asas untuk kesimpulan lain. Laporan ini dibuat tertakluk kepada beberapa andaian dan batasan.

© Valuation and Property Services Department

Copyright Reserved

No part of this report may be reproduced, stored in a retrieval system, transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without the prior written permission of the publisher. No responsibility is accepted for the accuracy of information contained in this report. Material published in this report cannot be used in any arbitration, litigation and legal proceedings or as a basis for other conclusions. The report was constructed subject to a set of assumptions and limitations.

PENDAHULUAN

Laporan Stok Harta Tanah menyebarkan maklumat berdasarkan kepada skop berikut:

- i. Stok sedia ada mengikut sub-sektor harta tanah iaitu kediaman, perdagangan, industri dan riadah.
- ii. Penawaran hadapan yang terdiri daripada data penawaran akan datang, mula pembinaan dan penawaran yang dirancang.

Ingin dimaklumkan bahawa semua jadual data tersebut perlu dibaca seiring dengan catatan teknikal yang disertakan bersama laporan ini. Maklumat berkenaan harta tanah perdagangan iaitu kompleks perniagaan dikategorikan kepada pusat membeli belah, arked dan pasaraya besar manakala bagi pejabat binaan khas terdiri daripada pejabat kerajaan dan swasta.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menjayakan penerbitan laporan ini terutamanya kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan, Pemaju, Pengurus Harta, Pemilik Bangunan, Pejabat Tanah dan lain-lain agensi Kerajaan yang terlibat di dalam memberikan input bagi tujuan penerbitan berkala ini. Tanpa sokongan tuan, kami tidak mungkin dapat menerbitkan laporan ini.

Seperti yang telah diketahui, pasaran harta tanah yang sihat dan stabil tidak sahaja penting bagi individu tetapi juga kepada ekonomi negara pada keseluruhannya. Oleh itu, kami akan sentiasa memastikan laporan yang disediakan kepada pembaca adalah berkualiti dan menepati masa. Kami sangat mengalu-alukan maklum balas, komen serta pandangan daripada pembaca untuk memperbaiki lagi laporan ini. Kami boleh dihubungi melalui telefon, faksimili atau emel kepada:

Pengarah
Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 7, Perbendaharaan 2
No 7, Pesiaran Perdana
Presint 2
62592 Putrajaya

Tel : 03-8886 9000
Fax : 03-8886 9007
Email : napic@jp-ph.gov.my

FOREWORD

The Property Market Stock Report disseminates informations on the following scopes:

- i. Existing inventories of properties on a sectorial basis namely residential, commercial, industry and leisure.*
- ii. Future supply comprises Incoming Supply, Construction Starts and Planned Supply.*

Please be informed that all the data tabulated should be read in line with NAPIC's Technical Notes attached in the report. Information pertaining to commercial properties ie shopping complex is categorized into three sections ie shopping centre, arcade and hypermarket whilst for purpose built office designated for publicly owned and private ownership.

We would like to express our gratitude to all those who had made this publication a success. Specifically, we wish to thank all local councils, developers, property managers/building owners, land offices nation wide and other relevant government bodies for giving their valuable inputs to make this quarterly survey a success. Without your support we will not be able to publish this report.

It is a known fact that a healthy and stable property market is crucial to not only the individuals but also to the country's economy as a whole. Therefore, it is our utmost wish to provide readers with high quality information in a timely manner. We welcome feedback, comments and suggestions from our readers to further improve this report. You may call, write, fax or email to us.

*Director
National Property Information Centre (NAPIC)
Valuation and Property Services Department
Ministry Of Finance Malaysia
Level 7, Perbendaharaan 2
No 7, Pesiaran Perdana
Precinct 2
62592 Putrajaya*

*Tel : 03-8886 9000
Fax : 03-8886 9007
Email : <https://napic2.jpph.gov.my>*

Laporan Stok Harta Tanah H1 2026

Property Stock Report H1 2026

Kandungan/ Contents	Muka Surat/ Pages
Ringkasan Stok Harta Tanah H1 2026 <i>Property Stock Summary H1 2026</i>	6
RESIDENTIAL PROPERTY STOCK REPORT	
1.0 Harta Tanah Kediaman <i>Residential Property</i>	10
SHOP PROPERTY STOCK REPORT	
2.0 Kedai <i>Shop</i>	13
SERVICED APARTMENT PROPERTY STOCK REPORT	
3.0 Pangsapuri Khidmat <i>Serviced Apartment</i>	17
SHOPPING COMPLEX PROPERTY STOCK REPORT	
4.0 Kompleks Perniagaan <i>Shopping Complex</i>	20
PURPOSE-BUILT OFFICE PROPERTY STOCK REPORT	
5.0 Pejabat Binaan Khas <i>Purpose-Built Office</i>	23
INDUSTRIAL PROPERTY STOCK REPORT	
6.0 Harta Tanah Industri <i>Industrial Property</i>	27
LEISURE PROPERTY STOCK REPORT	
7.0 Harta Tanah Riadah <i>Leisure Property</i>	31
Catatan Teknikal <i>Technical Notes</i>	35

Ringkasan Stok Harta Tanah 2026
Property Stock Summary 2026

State	Residential		
	Existing Stock	Incoming Supply	Planned Supply
WP Kuala Lumpur	584,933	27,554	40,048
WP Putrajaya	20,349	2,228	0
WP Labuan	14,039	105	71
Selangor	1,780,332	81,437	52,439
Johor	958,706	37,539	39,259
Pulau Pinang	579,945	26,992	18,273
Perak	568,677	28,179	24,579
Negeri Sembilan	326,056	11,998	14,477
Melaka	243,167	12,680	12,872
Kedah	380,340	8,128	13,287
Pahang	281,252	11,851	30,368
Terengganu	127,783	4,616	4,373
Kelantan	98,582	5,556	2,688
Perlis	28,500	644	582
Sabah	253,378	11,095	5,549
Sarawak	305,274	14,077	4,620
MALAYSIA	6,551,313	284,679	263,485

State	Shop		
	Existing Stock	Incoming Supply	Planned Supply
WP Kuala Lumpur	30,973	605	86
WP Putrajaya	538	0	48
WP Labuan	1,073	12	0
Selangor	114,495	5,630	1,875
Johor	99,750	5,636	2,915
Pulau Pinang	40,145	1,400	811
Perak	59,975	937	1,140
Negeri Sembilan	28,358	748	1,278
Melaka	24,986	457	1,009
Kedah	32,055	1,263	902
Pahang	26,855	1,215	1,956
Terengganu	8,902	283	205
Kelantan	14,929	595	560
Perlis	4,550	19	16
Sabah	34,600	1,697	381
Sarawak	40,458	1,307	496
MALAYSIA	562,642	21,804	13,678

State	SOHO			Serviced Apartment		
	Existing Stock	Incoming Supply	Planned Supply	Existing Stock	Incoming Supply	Planned Supply
WP Kuala Lumpur	12,266	3,362	2,839	157,032	40,798	48,965
WP Putrajaya	0	0	0	1,204	671	940
WP Labuan	0	0	0	0	0	0
Selangor	52,463	11,364	3,845	162,385	62,983	23,731
Johor	2,928	1,114	2,293	110,600	49,084	31,779
Pulau Pinang	5,674	974	0	11,503	13,089	8,046
Perak	1,698	274	249	2,223	530	306
Negeri Sembilan	104	0	0	16,968	195	3,778
Melaka	352	0	0	12,420	4,763	2,330
Kedah	0	0	0	1,468	349	816
Pahang	0	0	308	12,183	7,210	4,087
Terengganu	0	0	0	276	759	0
Kelantan	0	0	0	1,694	940	361
Perlis	0	0	0	0	0	0
Sabah	467	0	284	3,636	4,315	650
Sarawak	563	118	0	2,292	7,805	1,835
MALAYSIA	76,515	17,206	9,818	495,884	193,491	127,624

State	SHOPPING COMPLEX									
	Existing Stock						Incoming Supply		Planned Supply	
	Shopping Centre		Arcade		Hypermarket		All Shopping Complexes		All Shopping Complexes	
	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)
WP Kuala Lumpur	85	3,110,698	25	231,049	7	135,480	4	153,610	5	263,419
WP Putrajaya	2	65,861	1	1,380	0	0	1	16,900	0	0
WP Labuan	1	20,446	1	2,265	0	0	0	0	0	0
Selangor	94	3,127,916	10	62,041	51	695,310	3	66,527	4	70,521
Johor	64	1,791,081	37	97,545	44	497,033	3	25,916	0	0
Pulau Pinang	36	1,355,541	44	296,068	20	305,002	1	25,040	2	96,421
Perak	23	475,178	10	46,122	43	472,595	1	92,903	0	0
Negeri Sembilan	20	262,802	19	78,139	28	257,161	2	25,599	1	12,034
Melaka	18	420,505	0	0	9	132,975	2	57,245	0	0
Kedah	26	369,199	10	15,841	16	209,691	1	8,874	2	20,031
Pahang	20	351,966	11	11,613	10	62,174	1	7,843	2	15,373
Terengganu	8	172,233	30	49,486	4	54,865	1	7,845	0	0
Kelantan	5	155,361	15	71,057	10	129,170	0	0	0	0
Perlis	3	37,000	14	22,622	2	13,747	1	6,806	0	0
Sabah	29	668,292	8	24,754	7	75,702	3	61,415	1	23,509
Sarawak	66	942,341	2	2,418	7	95,025	2	41,676	0	0
MALAYSIA	500	13,326,420	237	1,012,400	258	3,135,930	26	598,199	17	501,308

State	PURPOSE BUILT OFFICE							
	Existing Stock				Incoming Supply		Planned Supply	
	Private-owned		Public-owned		All Office Buildings		All Office Buildings	
	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)	No. of Building	Total Space (s.m.)
WP Kuala Lumpur	419	9,633,722	42	589,689	18	775,380	14	547,109
WP Putrajaya	12	410,574	34	2,132,071	3	59,940	3	39,875
WP Labuan	5	51,181	4	15,459	0	0	0	0
Selangor	256	4,396,524	22	316,313	1	19,088	1	14,948
Johor	89	977,695	63	424,143	5	129,403	2	49,303
Pulau Pinang	100	775,127	28	230,597	1	6,000	6	79,743
Perak	51	249,177	74	312,273	2	13,820	0	0
Negeri Sembilan	29	135,625	38	173,017	0	0	0	0
Melaka	33	214,786	24	184,086	0	0	0	0
Kedah	43	193,529	33	204,352	0	0	0	0
Pahang	42	184,161	53	230,171	1	5,936	0	0
Terengganu	27	115,116	40	245,645	3	30,042	2	39,386
Kelantan	27	122,764	41	211,003	1	2,312	0	0
Perlis	7	39,632	20	72,978	1	13,152	0	0
Sabah	63	531,552	30	284,637	1	4,104	2	37,498
Sarawak	80	619,129	30	278,830	1	10,528	0	0
MALAYSIA	1,283	18,650,294	576	5,905,264	38	1,069,705	30	807,862

State	Industrial		
	Existing Stock	Incoming Supply	Planned Supply
WP Kuala Lumpur	5,138	22	10
WP Putrajaya	48	0	0
WP Labuan	664	27	0
Selangor	44,019	1,761	1,381
Johor	19,706	460	360
Pulau Pinang	10,117	403	0
Perak	8,575	324	215
Negeri Sembilan	5,924	762	1,028
Melaka	8,554	383	221
Kedah	4,060	80	134
Pahang	3,703	54	68
Terengganu	979	3	4
Kelantan	653	1	3
Perlis	291	0	0
Sabah	6,539	171	25
Sarawak	7,757	61	291
MALAYSIA	126,727	4,512	3,740

State	Leisure					
	Existing Stock		Incoming Supply		Planned Supply	
	No. of Hotel	No. of Room	No. of Hotel	No. of Room	No. of Hotel	No. of Room
WP Kuala Lumpur	254	50,148	12	2,135	7	1,740
WP Putrajaya	7	1,769	0	0	1	270
WP Labuan	43	1,858	0	0	0	0
Selangor	212	26,937	1	280	0	0
Johor	497	34,691	9	1,359	0	0
Pulau Pinang	255	26,318	7	1,285	12	2,154
Perak	341	18,181	7	823	1	303
Negeri Sembilan	159	13,124	1	152	2	88
Melaka	181	20,550	0	0	0	0
Kedah	181	13,912	1	40	3	309
Pahang	306	26,074	1	14	2	273
Terengganu	251	11,677	2	246	2	165
Kelantan	91	4,360	1	144	2	89
Perlis	33	1,321	1	70	0	0
Sabah	439	26,075	13	3,475	1	440
Sarawak	391	22,110	1	205	1	220
MALAYSIA	3,641	299,105	57	10,228	34	6,051

1.0 HARTA TANAH KEDIAMAN

Pada separuh pertama 2026, stok kediaman sedia ada seluruh negara merekodkan lebih 6.55 juta unit, meningkat 2.2% berbanding 2025. Penawaran akan datang dan penawaran yang dirancang masing-masing merekodkan penurunan 24.3% (H1 2025 : 375,944 unit) dan 16.3% (H1 2025 : 314,870 unit).

Selangor menerajui penawaran kediaman dengan bilangan tertinggi merentasi ketiga-tiga peringkat pembangunan.

Kediaman bertanah mendominasi inventori berbanding strata dengan 68.3% daripada stok sedia ada, 56.9% daripada penawaran akan datang dan 56.5% daripada penawaran yang dirancang.

Aktiviti pembangunan kediaman pada separuh pertama 2026 menunjukkan perkembangan yang lebih sederhana berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Jumlah projek siap dibina direkodkan sebanyak 35,909 unit, menurun 15.4% berbanding 42,431 unit pada 2025. Sementara itu, projek mula dibina turut berkurang kepada 27,765 unit iaitu penurunan sebanyak 36.3% (H1 2025: 43,556 unit). Trend ini menunjukkan aktiviti pembinaan kediaman pada separuh pertama 2026 lebih terkawal, dengan pemaju mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dalam memulakan pembangunan baharu.

Namun begitu, penawaran baharu dirancang menunjukkan perkembangan yang lebih positif. Sebanyak 30,469 unit direkodkan, meningkat 24.8% berbanding 24,418 unit pada separuh pertama 2025.

Peningkatan ini menunjukkan masih terdapat perancangan untuk menambah bekalan kediaman pada masa hadapan walaupun kadar unit yang mula dibina lebih rendah. Secara keseluruhannya, aktiviti pembinaan pada separuh pertama 2026 mencerminkan penyesuaian yang lebih berhati-hati dalam aktiviti pembinaan semasa, di samping kesinambungan perancangan pembangunan untuk memenuhi keperluan pasaran pada masa hadapan.

Stok sedia ada dan unit dalam fasa perancangan kediaman mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 1** dan **Carta 2** manakala trend aktiviti pembinaan kediaman dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 4**.

1.0 RESIDENTIAL PROPERTY

In the first half of 2026, the existing residential stock nationwide recorded over 6.55 million units, reflecting a 2.2% increase compared to 2025. Incoming supply and planned supply recorded declines of 24.3% (H1 2025: 375,944 units) and 16.3% (H1 2025: 314,870 units), respectively.

Selangor leads the residential supply with the highest number across all three stages of development.

Landed properties dominate the inventory compared to strata, accounting for 68.3% of the existing stock, 56.9% of the incoming supply, and 56.5% of the planned supply.

Residential development activity in the first half of 2026 showed more moderate growth compared to the same period in 2025. The total number of completions was recorded at 35,909 units, a decrease of 15.4% from 42,431 units in 2025. Meanwhile, project starts also decreased to 27,765 units, representing a decline of 36.3% (H1 2025: 43,556 units). This trend indicates that residential construction activity in the first half of 2026 is more controlled, with developers adopting a more cautious approach to initiating new developments.

However, the new planned supply shows a more positive development. A total of 30,469 units were recorded, marking a 24.8% increase compared to 24,418 units in the first half of 2025.

This increase indicates that there are still plans to augment residential supply in the future, despite the lower number of unit starts. Overall, construction activity in the first half of 2026 reflects a more cautious adjustment in current construction activities, alongside the continuity of development planning to meet future market needs.

*The existing stock and unit in residential planning phase by state are illustrated in **Chart 1** and **Chart 2**, while the trend of residential construction activities from 2023 to the first half of 2026 is depicted in **Chart 4**.*

Chart 1: Residential Existing Stock by State H1 2026




Chart 2: Residential Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026




Chart 3: Distribution of Landed and Stratified Residential Supply by Development Stage H1 2026





Chart 4: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Residential Supply from H1 2023 to H1 2026



2.0 KEDAI

Pada separuh pertama 2026, stok sedia ada kedai di seluruh negara merekodkan sejumlah 562,642 unit, penawaran akan datang sebanyak 21,804 unit dan penawaran yang dirancang sebanyak 13,678 unit.

Selangor mendominasi stok sedia ada dengan 114,495 unit, iaitu 20.3% daripada keseluruhan stok sedia ada. Bagi penawaran akan datang, Johor mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 5,636 unit, mewakili 25.8% daripada keseluruhan unit. Johor turut merekodkan jumlah tertinggi bagi penawaran yang dirancang, iaitu sebanyak 2,915 unit atau 21.3% daripada keseluruhan unit yang direkodkan.

Corak pembangunan ini menunjukkan bahawa Selangor merupakan negeri utama dari segi stok kedai yang telah tersedia, manakala Johor lebih menonjol dalam pembangunan kedai yang bakal memasuki pasaran dan yang masih dalam perancangan, mencerminkan tumpuan pembangunan komersial yang berbeza mengikut negeri.

Stok sedia ada kedai mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 5** manakala unit kedai dalam perancangan mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 6**.

Kedai teres dua dan dua setengah tingkat mendominasi stok kedai di semua peringkat pembangunan.

Aktiviti pembinaan kedai menunjukkan perkembangan yang lebih aktif pada separuh pertama 2026 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Projek kedai yang siap dibina meningkat kepada 2,469 unit, berbanding 1,491 unit pada 2025, iaitu peningkatan 65.6%.

Pada masa yang sama, projek mula dibina meningkat 42.4% kepada 2,292 unit. Penawaran baharu yang dirancang turut meningkat 59.1%, daripada 1,166 unit kepada 1,855 unit. Secara umum, trend ini menunjukkan bahawa aktiviti pembangunan kedai kembali meningkat pada separuh pertama 2026 selepas mencatat tahap yang lebih rendah pada H1 2025.

2.0 SHOP

In the first half of 2026, the existing stock of shops nationwide recorded a total of 562,642 units, incoming supply amounting to 21,804 units and planned supply totalling 13,678 units.

Selangor dominates the existing stock with 114,495 units, accounting for 20.3% of the total existing stock. In terms of incoming supply, Johor records the highest amount at 5,636 units, representing 25.8% of the overall units. Additionally, Johor has the highest figure for planned supply, totalling 2,915 units or 21.3% of the total recorded units.

This development pattern indicates that Selangor is the leading state in terms of existing stock of shop, while Johor stands out in the development of shops that are set to enter the market and those still in the planning phase, reflecting differing focuses on commercial development across the states.

*The existing stock of shops by state is illustrated in **Chart 5**, while the planned shop units by state are depicted in **Chart 6**.*

Two and two-and-a-half-storey shop houses dominate the shop stock across all stages of development.

The construction activity of shops has shown a more vigorous development in the first half of 2026 compared to the same period last year. The number of completions rose to 2,469 units, up from 1,491 units in 2025, marking an increase of 65.6%.

Concurrently, the number of starts increased by 42.4% to 2,292 units. The new planned supply also saw a rise of 59.1%, from 1,166 units to 1,855 units. Overall, this trend indicates that shop development activities have resumed growth in the first half of 2026 after experiencing lower levels in H1 2025.

Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan pemulihan dan penyesuaian aktiviti pembangunan komersial terhadap keperluan pasaran. Apabila aktiviti ekonomi dan perniagaan bertambah baik, pemaju lebih yakin untuk meneruskan projek yang telah dirancang atau memulakan pembangunan baharu bagi memenuhi keperluan ruang perniagaan. Peningkatan projek mula dibina dan penawaran yang dirancang pada separuh pertama 2026 juga menunjukkan bahawa pemaju lebih bersedia menyediakan bekalan baharu, manakala peningkatan projek siap mencerminkan sebahagian pembangunan yang dimulakan sebelum ini telah memasuki fasa siap.

This increase can be attributed to the recovery and adjustment of commercial development activities to market demands. As economic and business activities improve, developers are more confident in proceeding with planned projects or initiating new developments to meet the demand for business space. The rise in starts and the planned supply in the first half of 2026 also indicate that developers are more prepared to provide new supply, while the increase in completion reflects that some previously initiated developments have reached completion phase.

Pecahan bilangan kedai mengikut jenis ditunjukkan di **Carta 7** manakala trend perancangan kedai dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 8**.

*The breakdown of the number of shops by type is illustrated in **Chart 7**, while the shop planning trend from 2023 to the first half of 2026 is shown in **Chart 8**.*

Chart 5: Shop Existing Stock by State H1 2026




Chart 6: Shop Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026




Chart 7: Distribution of Shop by Building Type H1 2026





Chart 8: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Shop from H1 2023 to H1 2026



3.0 PANGSAPURI KHIDMAT

Pada separuh pertama 2026, sejumlah 495,884 unit pangsapuri khidmat sedia ada direkodkan di seluruh negara. Sementara itu, jumlah unit yang direkodkan di peringkat penawaran akan datang dan penawaran yang dirancang masing-masing sebanyak 193,491 unit dan 127,624 unit. Bagi SOHO pula, stok sedia ada berjumlah 76,515 unit, dengan penawaran akan datang sebanyak 17,206 unit dan penawaran yang dirancang sebanyak 9,818 unit, menunjukkan skala pembangunan SOHO yang lebih kecil berbanding pangsapuri khidmat.

Pembangunan pangsapuri khidmat kebanyakannya tertumpu di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Johor dengan gabungan syer pasaran 86.7% daripada stok sedia ada (430,017 unit), 79.0% daripada penawaran akan datang (152,865 unit) dan 81.9% daripada penawaran yang dirancang (104,475 unit).

Aktiviti pembinaan pangsapuri khidmat pada separuh pertama 2026 menunjukkan peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Unit siap dibina meningkat sebanyak 27.5% kepada 10,165 unit berbanding 7,973 unit pada separuh pertama 2025, manakala unit mula dibina meningkat 9.2% kepada 17,070 unit daripada 15,625 unit. Peningkatan ini menunjukkan unit yang telah dimulakan sebelum ini terus bergerak ke peringkat siap, di samping terdapat pertambahan unit baharu yang mula dibina.

Pada masa yang sama, penawaran baharu yang dirancang meningkat ketara sebanyak 171.6% kepada 17,251 unit, berbanding hanya 6,352 unit pada separuh pertama 2025. Peningkatan besar ini sebahagiannya mencerminkan asas yang rendah pada separuh pertama 2025 serta perancangan pemaju untuk menambah projek pada masa hadapan. Namun, penawaran yang dirancang tidak semestinya bermaksud semua projek akan terus dibina dalam tempoh terdekat kerana keputusan pembangunan masih bergantung kepada keadaan permintaan, lokasi, kos pembinaan dan tahap serapan pasaran.

3.0 SERVICED APARTMENT

In the first half of 2026, a total of 495,884 existing serviced apartment units were recorded nationwide. Meanwhile, the number of units recorded for incoming supply and planned supply stands at 193,491 units and 127,624 units, respectively. For SOHO, the existing stock amounts to 76,515 units, with incoming supply at 17,206 units and planned supply at 9,818 units, indicating a smaller scale of SOHO development compared to serviced apartments.

The development of serviced apartments is primarily concentrated in Selangor, WP Kuala Lumpur and Johor, accounting for a combined market share of 86.7% of the existing stock (430,017 units), 79.0% of incoming supply (152,865 units), and 81.9% of planned supply (104,475 units).

The construction activity of serviced apartments in the first half of 2026 shows an increase compared to the same period in 2025. The number of completions rose by 27.5% to 10,165 units, up from 7,973 units in the first half of 2025, while the starts increased by 9.2% to 17,070 units from 15,625 units. This growth indicates that units initiated earlier are progressing towards completion, alongside the addition of new units that have commenced construction.

Simultaneously, the new planned supply has significantly increased by 171.6% to 17,251 units, compared to only 6,352 units in the first half of 2025. This substantial rise partly reflects a low base in the first half of 2025 and developers' plans to expand projects in the future. However, the planned supply does not necessarily imply that all projects will be constructed in the near term, as development decisions still depend on demand conditions, location, construction costs, and market absorption levels.

Stok sedia ada pangsapuri khidmat mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 9** manakala unit pangsapuri khidmat dalam perancangan mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 10**.

*The existing stock of serviced apartments by state is illustrated in **Chart 9**, while the units of serviced apartments in planning by state are depicted in **Chart 10**.*

Trend aktiviti pembinaan pangsapuri khidmat dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 11**.

*The trend of construction activities for serviced apartment from 2023 to the first half of 2026 is illustrated in **Chart 11**.*

Chart 9: Serviced Apartment Existing Stock by State H1 2026




Chart 10: Serviced Apartment Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026





Chart 11: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Serviced Apartment from H1 2023 to H1 2026



4.0 KOMPLEKS PERNIAGAAN

Pada separuh pertama 2026, sejumlah 17.47 juta meter persegi stok ruang perniagaan sedia ada direkodkan, terdiri daripada 500 unit pusat beli-belah (13.33 juta m.p.), 237 unit arked (1.01 juta m.p.) dan 258 pasar raya besar (3.14 juta m.p.).

Sementara itu, sejumlah 598,199 m.p. ruang kompleks perniagaan berada di penawaran akan datang dan 501,308 m.p. direkodkan di penawaran yang dirancang.

Selangor dan WP Kuala Lumpur mendominasi melebihi 40.0% daripada ruang kompleks perniagaan sedia ada, masing-masing melebihi 3 juta meter persegi. Selain itu, WP Kuala Lumpur turut merekodkan jumlah tertinggi bagi penawaran akan datang dengan syer 25.7% (153,610 m.p.) dan penawaran yang dirancang mewakili 52.5% (263,419 m.p.)

Tiga kompleks perniagaan direkodkan siap pada separuh pertama 2026 seperti di **Jadual 1**.

Secara umum, aktiviti pembinaan kompleks perniagaan pada separuh pertama 2026 menunjukkan peralihan daripada projek yang siap kepada projek yang baru dimulakan. Ruang siap dibina mencatat 98,387 m.p. menurun sedikit sebanyak 6.4% berbanding 105,127 m.p. pada separuh pertama 2025.

Namun begitu, ruang yang mula dibina meningkat dengan ketara daripada 9,405 m.p. kepada 38,810 m.p. Peningkatan ini menunjukkan terdapat lebih banyak projek yang memasuki fasa pembinaan pada separuh pertama 2026, walaupun jumlah projek yang siap pada tempoh tersebut sedikit lebih rendah.

Pada masa yang sama, penawaran baharu yang dirancang menurun 65.3%, daripada 18,279 m.p. pada separuh pertama 2025 kepada 6,342 m.p. pada separuh pertama 2026. Keadaan ini boleh menggambarkan pendekatan pemaju yang lebih berhati-hati dalam merancang pembangunan baharu, dengan memberi tumpuan kepada projek yang telah mendapat komitmen dan mempunyai

4.0 SHOPPING COMPLEX

In the first half of 2026, a total of 17.47 million s.m. of existing shopping complex space was recorded, comprising 500 shopping centres (13.33 million s.m.), 237 arcades (1.01 million s.m.), and 258 hypermarkets (3.14 million s.m.).

Meanwhile, a total of 598,199 s.m. of shopping complex space is set to be available in incoming supply, while 501,308 s.m. has been recorded in planned supply.

Selangor and the WP Kuala Lumpur dominate, accounting for over 40.0% of the existing shopping complex space, with each exceeding 3 million square meters. Additionally, WP Kuala Lumpur has recorded the highest amount of incoming supply, with a share of 25.7% (153,610 s.m.), and the planned supply represents 52.5% (263,419 s.m.).

Three shopping complexes were recorded as completed in the first half of 2026, as shown in Table 1.

In general, the construction activity of shopping complexes in the first half of 2026 indicates a shift from completed projects to newly initiated ones. The completions recorded 98,387 s.m., reflecting a slight decrease of 6.4% compared to 105,127 s.m. in the first half of 2025.

However, the starts saw a significant increase, rising from 9,405 s.m. to 38,810 s.m. This increase suggests that more projects entered the construction phase in the first half of 2026, despite the number of completed projects being slightly lower during this period.

Simultaneously, the new planned supply decreased by 65.3%, from 18,279 s.m. in the first half of 2025 to 6,342 s.m. in the first half of 2026. This situation may reflect a more cautious approach by developers in planning new developments, focusing on projects that have secured commitments and have clearer demand prospects. The reduction in planned supply, alongside the significant increase

prospek permintaan yang lebih jelas. Pengurangan penawaran yang dirancang, bersama peningkatan ketara aktiviti mula bina, menunjukkan pasaran sedang menyusun semula jadual pembangunan dan memberi keutamaan kepada projek yang lebih bersedia untuk dilaksanakan, berbanding menambah terlalu banyak penawaran baharu.

in starts, indicates that the market is reorganizing its development schedule and prioritizing projects that are more ready for implementation, rather than excessively increasing new supply.

Trend aktiviti pembinaan kompleks perniagaan dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 14**.

*The trend of shopping complex construction activity from 2023 to the first half of 2026 is illustrated in **Chart 14**.*

Table 1: Completion of Shopping Complex in H1 2026

No	State	Name of Building	Location	Category	Total Space (s.m.)
1.	Kuala Lumpur	Met Galleria	Jalan Sultan Haji Ahmad Shah	Shopping Centre	7,432
2.	Kuala Lumpur	118 Mall	Jalan Hang Jebat	Shopping Centre	83,610
3.	Negeri Sembilan	Econsave Ampangan	Jalan Seremban-Jelebu	Hypermarket	7,345
Total Completion in H1 2026					98,387

Chart 12: Shopping Complex Existing Stock by State H1 2026





Chart 13: Shopping Complex Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026



Chart 14: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Shopping Complex from H1 2023 to H1 2026



5.0 PEJABAT BINAAN KHAS

Pada separuh pertama 2026, sejumlah 24.56 juta meter persegi stok sedia ada ruang pejabat binaan khas direkodkan. Jumlah ini merangkumi 18.65 juta meter persegi bangunan swasta (1,283 unit) dan 5.91 juta meter persegi bangunan kerajaan (576 unit).

WP Kuala Lumpur menerajui penawaran ruang pejabat binaan khas sedia ada dengan syer 41.6% (10.22 juta m.p.), 72.5% (775,380 m.p.) di penawaran akan datang dan 67.7% (547,109 m.p.) di penawaran yang dirancang.

Dua pejabat binaan khas (swasta) dan dua pejabat binaan khas (kerajaan) yang siap dibina pada separuh pertama 2026, menambah jumlah ruang pejabat sebanyak 81,517 m.p.

Senarai pejabat binaan khas yang direkodkan siap dibina pada separuh pertama 2026 adalah seperti di **Jadual 2**.

Aktiviti pembinaan ruang pejabat binaan khas menunjukkan trend yang tidak sekata sepanjang H1 2023 hingga separuh pertama 2026 (H1 2026). Pada H1 2026, ruang siap dibina menurun kepada 81,517 m.p., iaitu 47.7% lebih rendah berbanding 155,772 m.p. pada H1 2025. Walaupun begitu, ruang mula dibina meningkat kepada 27,185 m.p. pada H1 2026. Penawaran baharu dirancang pula meningkat dengan ketara kepada 25,277 m.p. berbanding hanya 5,136 m.p. pada H1 2025. Peningkatan ini mencerminkan terdapat perancangan projek baharu oleh pemaju, namun jumlah ruang yang mula dibina masih sederhana, menunjukkan pemaju mengambil pendekatan lebih berhati-hati dengan merancang pembangunan terlebih dahulu dan menyesuaikan pelaksanaan pembinaan mengikut keadaan pasaran serta permintaan terhadap ruang pejabat.

Pengurangan unit siap pada H1 2026 boleh mencerminkan pendekatan lebih berhati-hati oleh pemain industri dalam menyesuaikan penawaran ruang pejabat dengan keadaan pasaran dan permintaan semasa. Walau bagaimanapun, peningkatan ketara dalam penawaran baharu yang dirancang menunjukkan bahawa pemaju

5.0 PURPOSE-BUILT OFFICE

In the first half of 2026, a total of 24.56 million square meters of existing stock of purpose-built office space was recorded. This figure includes 18.65 million square meters of private buildings (1,283 units) and 5.91 million square meters of government buildings (576 units).

WP Kuala Lumpur leads the provision of existing purpose-built office space with a share of 41.6% (10.22 million s.m.), 72.5% (775,380 s.m.) in incoming supply, and 67.7% (547,109 s.m.) in planned supply.

Two purpose-built offices (private) and two purpose-built offices (government) were completed in the first half of 2026, increasing the total office space by 81,517 s.m.

*The list of purpose-built offices that have been recorded as completed in the first half of 2026 is presented in **Table 2**.*

The construction activities for purpose-built office spaces exhibit an uneven trend from the first half of 2023 to the first half of 2026 (H1 2026). By H1 2026, the completion decreased to 81,517 s.m., representing a 47.7% decline compared to 155,772 s.m. in H1 2025. Nevertheless, starts rose to 27,185 s.m. in H1 2026. Additionally, the new planned supply significantly increased to 25,277 s.m., up from just 5,136 s.m. in H1 2025. This increase indicates that developers are planning new projects, however, the amount of space under construction remains modest, suggesting that developers are adopting a more cautious approach by planning developments in advance and adjusting construction implementation according to market conditions and demand for office space.

The decrease in completions in H1 2026 may reflect a more cautious approach by industry players in aligning office space offerings with current market conditions and demand. However, the significant increase in new planned supply indicates that developers still perceive potential for future office space development, particularly

masih melihat potensi untuk pembangunan ruang pejabat pada masa hadapan, khususnya di lokasi atau segmen yang dijangka mempunyai permintaan. Peningkatan aktiviti mula bina turut mengukuhkan petunjuk bahawa masih terdapat keyakinan terhadap pasaran ruang pejabat.

Stok sedia ada Pejabat Binaan Khas mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 15** manakala Pejabat Binaan Khas dalam perancangan mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 16**.

Trend aktiviti pembinaan Pejabat Binaan Khas dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 17**.

in locations or segments expected to experience demand. The rise in construction starts further reinforces the indication that confidence in the office space market remains.

*The existing stock of Purpose-Built Offices by state is illustrated in **Chart 15**, while the Purpose-Built Offices in planning by state are depicted in **Chart 16**.*

*The trend of construction activities for Purpose-Built Offices from 2023 to the first half of 2026 is presented in **Chart 17**.*

Table 2: Completion of Purpose-built Office in H1 2026

No	State	Name of Building	Location	Category	Total Space (s.m.)
1.	Pulau Pinang	The Light Exchange @ PWCC	Persiaran Chin Fung Kee	Private	14,544
2.	Pulau Pinang	Pejabat Kastam Bayan Baru Pulau Pinang	Jalan Mahsuri	Government	8,052
3.	Kelantan	Kompleks Gunasama Persekutuan Kota Bharu	Kampung Tunjung	Government	46,988
4.	Perlis	Menara PKENPs (Menara K-PARC)	Jalan Raja Syed Alwi	Private	11,933
Total Completion in H1 2026					81,517

Chart 15: Purpose-built Office Existing Stock by State H1 2026




Chart 16: Purpose-built Office Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026





Chart 17: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Purpose-built Office from H1 2023 to H1 2026



****The growth rate is undefined because the base for H1 2025 is 0.**

6.0 HARTA TANAH INDUSTRI

Separuh pertama 2026 menyaksikan stok sedia ada industri berjumlah 126,727 unit direkodkan. Penawaran akan datang dan penawaran yang dirancang masing-masing merekodkan 4,512 unit dan 3,740 unit.

Selangor menerajui penawaran industri dengan bilangan tertinggi merentasi ketiga-tiga peringkat pembangunan.

Teres industri menerajui stok sedia ada dengan syer melebihi 50.0% tetapi dari segi pembangunan yang akan datang menyaksikan harta tanah industri jenis berkembar dilihat lebih menonjol dengan penawaran akan datang dan penawaran yang dirancang masing-masing mendominasi 49.1% dan 41.0% daripada jumlah penawaran.

Di segmen pembinaan, pada separuh pertama 2026 (H1 2026), aktiviti pembinaan menunjukkan perkembangan yang lebih positif daripada segi projek baharu dan projek yang mula dibina, walaupun bilangan projek siap dibina menurun. Pada H1 2026, sebanyak 1,038 unit mula dibina direkodkan, meningkat 26.1% berbanding 823 unit pada H1 2025. Pada masa yang sama, penawaran baharu yang dirancang meningkat 27.2% kepada 631 unit berbanding 496 unit pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini menunjukkan keyakinan pemaju dan pelabur terhadap permintaan ruang industri, khususnya selaras dengan perkembangan aktiviti pembuatan, logistik, pergudangan dan rantai bekalan.

Sebaliknya, projek siap dibina menurun 31.2%, daripada 353 unit pada H1 2025 kepada 243 unit pada H1 2026. Keadaan ini tidak semestinya menunjukkan kelemahan sektor, sebaliknya lebih menggambarkan peralihan kitaran pembangunan, apabila lebih banyak projek masih berada pada peringkat awal pembinaan dan belum mencapai tahap siap.

Dengan peningkatan unit mula dibina dan penawaran baharu yang dirancang, aktiviti pembangunan industri pada H1 2026 secara keseluruhannya masih menunjukkan momentum yang baik, dengan tumpuan pasaran lebih kepada pembangunan baharu dan projek yang sedang dalam proses pembinaan.

6.0 INDUSTRIAL PROPERTY

In the first half of 2026, the existing stock of industrial property was recorded at 126,727 units. Incoming supply and planned supply were recorded at 4,512 units and 3,740 units, respectively.

Selangor leads the industry supplies with the highest number across all three stages of development.

Terraced industrial type leads the existing stock with a share exceeding 50.0%. However, in terms of future development, semi-detached industrial properties are expected to stand out more prominently, with incoming supply and planned supply projected to dominate 49.1% and 41.0% of the total respectively.

In the construction segment, during the first half of 2026 (H1 2026), construction activities exhibited a more positive trend in terms of new projects and those that have commenced construction, despite a decline in the number of completions. In H1 2026, a total of 1,038 starts was recorded, reflecting a 26.1% increase compared to 823 units in H1 2025. Concurrently, the new planned supply rose by 27.2% to 631 units, up from 496 units during the same period the previous year. This increase indicates the confidence of developers and investors in the demand for industrial space, particularly in line with the growth of manufacturing, logistics, warehousing, and supply chain activities.

Conversely, the number of completions decreased by 31.2%, from 353 units in H1 2025 to 243 in H1 2026. This situation does not necessarily reflect a weakness in the sector; rather, it illustrates a shift in the development cycle, with more units still in the early stages of construction and yet to reach completion.

With the rise in starts and new planned supply, industrial development activities in H1 2026 overall continue to show a positive momentum, with market focus shifting more towards new developments and projects currently under construction.

Stok sedia ada sektor industri mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 18** manakala unit industri dalam perancangan mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 19**.

*The existing stock of industrial property by state is illustrated in **Chart 18**, while industrial units in planning by state are depicted in **Chart 19**.*

Trend aktiviti pembinaan industri dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 21**.

*The trend of industrial construction activities from 2023 to the first half of 2026 is presented in **Chart 21**.*

Chart 18: Industrial Existing Stock by State H1 2026




Chart 19: Industrial Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026




Chart 20: Distribution of Industrial by Building Type H1 2026





Chart 21: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Industrial from H1 2023 to H1 2026



7.0 HARTA TANAH RIADAH

Pada separuh pertama 2026, sektor hotel negara merekodkan sejumlah 299,105 bilik (3,641 hotel) stok sedia ada berada di pasaran manakala 10,228 bilik (57 hotel) dalam penawaran akan datang dan 6,051 bilik (34 hotel) dalam penawaran yang dirancang.

WP Kuala Lumpur menyumbangkan jumlah tertinggi bilik hotel sedia ada sebanyak 50,148 bilik. Sabah menawarkan bilangan bilik tertinggi dalam penawaran akan datang dengan 3,475 bilik, manakala Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 2,154 bagi penawaran yang dirancang.

Empat hotel (782 bilik) direkodkan telah siap dibina pada separuh pertama 2026 sebagaimana **Jadual 3**.

Aktiviti pembinaan hotel pada separuh pertama 2026 (H1 2026) menunjukkan pemulihan dari segi bekalan baharu yang dirancang, walaupun aktiviti projek mula dibina masih rendah. Pada H1 2026, sebanyak 974 bilik di penawaran baharu dirancang, meningkat 24.1% berbanding 785 bilik pada H1 2025. Peningkatan ini menunjukkan terdapat perancangan untuk menambah kapasiti hotel, didorong oleh jangkaan pemulihan aktiviti pelancongan, perjalanan perniagaan dan permintaan penginapan. Namun, jumlah unit mula dibina menurun 10.3%, daripada 223 bilik kepada 200 bilik, menunjukkan sebahagian pembangunan yang dirancang masih berada pada peringkat perancangan atau belum memasuki fasa pembinaan.

Pada masa yang sama, bilangan yang siap dibina meningkat sedikit, daripada 712 bilik pada H1 2025 kepada 782 bilik pada H1 2026, iaitu peningkatan 9.8%. Keadaan ini menunjukkan projek yang telah dimulakan sebelum ini masih terus disiapkan, manakala bekalan baharu yang dirancang turut meningkat.

Secara keseluruhannya, sektor hotel pada H1 2026 memperlihatkan trend yang lebih positif dari segi perancangan penawaran, walaupun aktiviti pembinaan sebenar masih sederhana.

7.0 LEISURE PROPERTY

In the first half of 2026, the hotel sector of the country recorded a total of 299,105 rooms (3,641 hotels) as existing stock in the market, while there are 10,228 rooms (57 hotels) in the incoming supply and 6,051 rooms (34 hotels) in the planned supply.

WP Kuala Lumpur contributes the highest number of existing hotel rooms, totalling 50,148 rooms. Sabah presents the largest number of incoming supply with 3,475 rooms, while Pulau Pinang records 2,154 for planned supply.

*Four hotels (782 rooms), have been recorded as completed in the first half of 2026, as shown in **Table 3**.*

The hotel construction activities in the first half of 2026 (H1 2026) indicate a recovery in terms of new planned supply, despite the low level of starts. In H1 2026, a total of 974 rooms are in new planned supply, representing a 24.1% increase from 785 rooms in H1 2025. This increase suggests that there are plans to expand hotel capacity, driven by expectations of a recovery in tourism activities, business travel, and accommodation demand. However, the number of starts has decreased by 10.3%, from 223 rooms to 200 rooms, indicating that some of the planned developments are still in the planning stage or have not yet entered the construction phase.

At the same time, the number of completions has seen a slight increase, from 712 rooms in H1 2025 to 782 rooms in H1 2026, marking a 9.8% rise. This situation indicates that projects initiated earlier are still being completed, while the new planned supply is also on the rise.

Overall, the hotel sector in H1 2026 exhibits a more positive trend in terms of supply planning, even though actual construction activities remain moderate.

Stok sedia ada hotel mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 22** manakala unit hotel dalam perancangan mengikut negeri ditunjukkan di **Carta 23**.

*The existing hotel stock by state is illustrated in **Chart 22**, while the planned hotel units by state are presented in **Chart 23**.*

Trend aktiviti pembinaan hotel dari 2023 hingga separuh pertama 2026 ditunjukkan di **Carta 24**.

*The trend of hotel construction activities from 2023 to the first half of 2026 is depicted in **Chart 24**.*

Table 3: Completion of Hotel in H1 2026

No	State	Name of Hotel	Location	No. of Room
1.	Terengganu	The Payang Hotel	Jalan Kg China Bandar Kuala Terengganu	30
2.	Pahang	Lot 131589 Kompleks Dagangan Mahkota (Bcic Lodge)	Tingkat 16, Kompleks Teruntum 25000, Kuantan	37
3.	Pulau Pinang	Capri By Fraser	No. 31 Jalan Magazine 10300	255
4.	Pulau Pinang	Converge Commsuites - Hotel	Udini Square B2-3-09 Lebuh Tunku Kudin 3	460
Total Completion in H1 2026				782

Chart 22: Hotel Existing Stock by State H1 2026




Chart 23: Hotel Incoming Supply and Planned Supply by State H1 2026





Chart 24: Trends of Completion, Starts and New Planned Supply for Hotel from H1 2023 to H1 2026



Catatan Teknikal

Technical Notes

CATATAN TEKNIKAL

1.0 Tempoh kajian

Laporan Stok Harta Tanah pada tahun 2026 adalah seperti berikut:

- Q1 : 1 Januari 2026 - 31 Mac 2026
- Q2 : 1 April 2026 - 30 Jun 2026
- Q3 : 1 Julai 2026 - 30 September 2026
- Q4 : 1 Oktober 2026 - 31 Disember 2026

2.0 Peringkat Penyebaran

Laporan terbahagi adalah pada tiga peringkat pembangunan yang utama dan subperingkat berpanduan jadual di bawah:

2.1 Inventori Sedia Ada

Inventori sedia ada (stok) adalah unit yang telah memperoleh sijil layak menduduki (CF) atau sijil layak menduduki sementara (TCF) sebelum tempoh kajian termasuk unit yang siap dibina dan memperoleh CF/ TCF dalam tempoh kajian. Angka dalam inventori sedia ada adalah jumlah terkumpul dari suku-suku sebelumnya ditambah dengan suku semasa.



2.2 Siap dibina

Siap dibina adalah terma yang digunakan bagi bangunan yang mana kerja pembinaan bangunan telah siap dan CF/ TCF telah diperolehi dalam tempoh kajian.

2.3 Penawaran akan datang

Penawaran akan datang merangkumi unit yang mana kerja pembinaannya sedang dijalankan termasuk unit mula dibina dan CF/ TCF belum dikeluarkan dalam tempoh kajian. Unit dalam penawaran akan datang mewakili jumlah terkumpul yang mana unit dalam pembinaan dalam suku kajian dan suku sebelumnya ditambah dengan unit yang memulakan pembinaan dalam suku kajian. Ianya tidak mengambil kira tanah kosong tetapi termasuk **unit tertangguh**.

Pengiraan penawaran akan datang adalah berterusan dan belum menyamai jumlah bilangan penduduk. Penawaran akan datang yang disebarkan dalam sebarang laporan suku tahunan merangkumi penawaran akan datang yang diselarasakan bagi suku sebelumnya dan penawaran akan datang dalam suku kajian.

Penawaran akan datang suku sebelumnya perlu diselarasakan dalam suku kajian atas sebab berikut:

- Pertambahan dalam kawasan liputan kajian
- Data tertunda dari suku sebelumnya tetapi diterima dalam suku semasa
- Kesilapan dalam operasi.

Unit tertangguh ialah yang mana kerja asas bangunan secara fizikalnya telah dimulakan tetapi belum siap dibina dan tiada aktiviti pembinaan selepas tiga tahun daripada tarikh kelulusan pembangunan.

TECHNICAL NOTES

1.0 Review Periods

The quarters in the 2026 of the Property Stock Report is as follows:


- Q1 : 1 January 2026 - 31 March 2026
- Q2 : 1 April 2026 - 30 June 2026
- Q3 : 1 July 2026 - 30 September 2026
- Q4 : 1 October 2026 - 31 December 2026

2.0 Stages of Dissemination

Information at the three main stages of development and their sub-stages according to the chart below:

2.1 Existing Inventory (stock)

Existing inventory (stock) are units that have been issued with the certificate of fitness (CF) or temporary certificate of fitness (TCF) prior to the review period plus units completed and issued with CF/ TCF within the review period. The figures in the existing inventory are accumulated figures from previous quarters plus the review quarter.



2.2 Completions

Completion is the term used when the building construction works are completed and a CF/ TCF is issued within the review period.

2.3 Incoming supply

Incoming supply comprises units where physical construction works are in progress including starts and CF/ TCF have not been issued during the review period. Units in the incoming supply represent accumulative totals where units under construction in the review quarter and from the previous quarter are added to the units that have started construction in the review quarter. It does not include vacant land but includes **delayed units**.

The calculation of incoming supply is on going and has not reached a total population count. Incoming supply disseminated in any quarter publication includes the adjusted incoming supply for the previous quarter and the incoming supply in the review quarter.

Incoming supply of the previous quarter have to be adjusted in the review quarter because of the following reasons:

- An increase in coverage
- Delayed data from the previous quarter but received during the review period,
- Operational errors.

Delayed units are those where the foundation work has physically started but not completed and no construction activity has taken place for a period of more than three years from the date the development was approved.

2.4 Mula dibina Mula dibina terdiri daripada bangunan-bangunan yang mana: • Kerja asas dan kerja tapak bagi bangunan bertingkat rendah atau kerja bawah paras tanah termasuk cerucuk dan asas bagi bangunan bertingkat tinggi, telah dimulakan, • Ianya tidak termasuk kerja-kerja membersihkan, merata dan menyediakan infrastruktur	2.4 Starts <i>Starts comprises buildings where:</i> • <i>The foundation and footing works of low-rise buildings or works below ground level including piling and foundation of high-rise buildings have started, and</i> • <i>It does not include site clearing, levelling and laying of infrastructure.</i>
2.5 Penawaran dirancang Penawaran dirancang merangkumi unit yang mana kelulusan pelan bangunan telah diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan dalam suku kajian. Unit tersebut belum memulakan pembinaan secara fizikalnya. Unit dalam penawaran dirancang termasuk jumlah terkumpul daripada suku-suku sebelumnya ditambah dengan unit dalam penawaran baharu dirancang dalam suku kajian. Pengiraan penawaran dirancang adalah berterusan dan belum menyamai jumlah bilangan penduduk. Penawaran dirancang yang disebarkan dalam sebarang laporan suku tahunan merangkumi penawaran dirancang yang diselarasakan bagi suku sebelumnya dan penawaran baharu dirancang dalam suku kajian. Penawaran yang dirancang suku sebelumnya perlu diselarasakan dalam suku kajian atas sebab berikut: • Pertambahan kawasan liputan kajian, • Data tertunda daripada suku sebelumnya tetapi diterima dalam suku semasa, • Kesilapan dalam operasi.	2.5 Planned supply <i>Planned supply comprises units with building plan approval obtained within a review quarter from the local authority. The units have not started physical construction works. Units in the planned supply include accumulative totals from previous quarters plus units in the new planned supply in the review quarter. The calculation of planned supply is on going and has not reached a total population count. Planned supply disseminated in any quarter publication includes the adjusted planned supply for the previous quarter and the planned supply in the review quarter. Planned supply of the previous quarter has to be adjusted in the review quarter because of the following reasons:</i> • <i>An increase in coverage,</i> • <i>Delayed data from the previous quarter but received during the review period,</i> • <i>Operational errors.</i>
2.6 Kelulusan Pelan Bangunan (Penawaran baharu dirancang) Penawaran baharu dirancang merangkumi unit dimana kelulusan pelan bangunan telah diperolehi dari pihak berkuasa tempatan dalam suku kajian.	2.6 Building Plan Approval (New planned supply) <i>New planned supply comprises units where building plan approval have been obtained within the review period.</i>
3.0 Penawaran hadapan adalah terma yang digunakan dalam laporan ini bagi menunjukkan penawaran akan datang dan penawaran dirancang.	3.0 Future supply is a term used in the report to denote incoming supply and planned supply.
4.0 Terma Am	4.0 General Terms
4.1 Struktur Struktur termasuk kekal, separuh kekal dan sementara.	4.1 Structures <i>The structures include permanent, semi-permanent and temporary construction.</i>
4.2 Pemilikan Termasuk kedai/ Pejabat binaan khas/ Kompleks perniagaan milik kerajaan dan swasta. Kerajaan termasuklah kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan. Swasta juga merangkumi kedai yang dimiliki oleh badan separa kerajaan.	4.2 Ownership <i>Include all shops/ purpose-built office/ shopping complexes owned by government and private sectors. Governments comprise federal, state and local authorities. Private sector embraces private companies and quasi-government agencies.</i>
4.3 Tanah kosong tidak dikira dalam inventori sedia ada. Setelah ianya memperoleh kelulusan pelan bangunan, ianya dimasukkan dalam penawaran yang dirancang dan seterusnya memasuki pelbagai peringkat pembinaannya.	4.3 Vacant lands are not included under existing inventory. When they obtain building plan approval they are included under planned supply and progresses into the construction stages.
5.0 Harta Tanah Kediaman	5.0 Residential Property
5.1 Definisi Rumah tempat tinggal adalah termasuk mana-mana bangunan, tenaman atau mesuaj yang keseluruhannya atau sebahagian binaannya, disesuaikan atau diniatkan bagi kediaman manusia dan sebahagiannya bagi premis perniagaan. Istilah kediaman manusia adalah termasuk bangunan yang dibina untuk manusia tinggal bersama keluarga. Bagi tujuan laporan ini, rumah kedai, yang mana sebahagiannya lagi untuk tempat tinggal adalah dikecualikan daripada harta tanah kediaman tetapi dilaporkan sebagai kedai.	5.1 Definition <i>Defines housing accommodation to include any building, which is wholly or principally constructed, adapted or intended for human habitation or partly for human habitation and partly for business premises. The term human habitation would include buildings constructed for humans to live with their families. For the purpose of this report, shop houses, which is partially used as retail and partially for human habitation is excluded as residential property but reported as shop.</i>
5.2 Jenis Harta Tanah Maklumat merangkumi kediaman individu samada yang terletak dalam atau luar skim perumahan di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Jenis harta tanah kediaman termasuk teres, berkembar, sesebuah, unit kos rendah, rumah pangsa, pangsapuri/ kondominium, unit berkelompok dan rumah bandar di semua peringkat. Walau bagaimanapun, institusi, kuarters dan unit setinggan tidak termasuk dalam laporan ini.	5.2 Property Types <i>The data is conducted by survey within local authority area. Property types include terraced, semi-detached, detached, low-cost units, flats, condominium/ apartment, clustered units and town houses at various levels.</i> <i>However, the property excluded from this report are institutional quarters and squatter units.</i> 6.0 Shop

6.0	Kedai	
6.1	Definisi Kedai merangkumi premis di mana barang runcit dan perkhidmatan diniagakan. Barang yang dijual dan perkhidmatan yang disediakan memenuhi keperluan harian pelanggan. Kedai adalah merangkumi: • Rumah kedai • Kedai pejabat • Unit kedai dengan kegunaan perniagaan • Kedai makan binaan khas Kedai tidak termasuk: • Kedai yang telah diubahsuai 75% (ini menunjukkan penukaran kegunaan yang kekal) kepada kegunaan perdagangan lain seperti ruang pejabat. • Kedai yang telah ditukar kegunaan secara kekal	6.1 Definition <i>Shops are premises where retail goods and services are sold. The goods and services meet day-to-day needs of customers.</i> <i>The Shops include:</i> • Shop house • Shop offices • Shop unit with retail use • Purpose-built eateries <i>The shops excluded:</i> • Shops that have been renovated 75% (indicating a permanent change) to other commercial uses like office space. • Shops that has permanently changed to another use.
6.2	Jenis Harta Tanah Data adalah berdasarkan lawat periksa dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Jenis harta tanah kedai adalah termasuk teres, berkembar, sesebuah, kedai strata dan kedai sebelum perang. SOHO dan pangsupuri khidmat dimasukkan mulai Q1 2018.	6.2 Property Types <i>The data is conducted by survey within local authority area. Property types include terraced, semi-detached, detached, stratified shop and pre-war. SOHO and serviced apartments are included from Q1 2018 onwards.</i>
7.0	Industri	7.0
7.1	Definisi Unit perindustrian iaitu bangunan/ kilang yang terlibat dalam aktiviti pembuatan dan penyimpanan (gudang). Akta Penyelaras Perindustrian 1975 (ICA) mendefinisikan "Aktiviti Pengilangan" sebagai membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain merawat atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan dengan bermaksud penggunaan, penjualan, pengangkutan, penghantaran atau pembuangannya dan merangkumi pemasangan bahagian-bahagian dan pembaikan kapal tetapi tidak termasuk sebarang aktiviti yang biasanya berkaitan dengan perniagaan jual runcit atau borong. Unit perindustrian juga termasuk kemudahan penyimpanan <i>stand-alone</i> atau gudang yang tidak disebut di dalam definisi ICA. Walau bagaimanapun, laporan ini belum mengumpul data bagi kemudahan penyimpanan.	7.1 Definition <i>Units that are buildings/ factories that engage in manufacturing activity and storage (warehouses). The Industrial Co-ordination Act 1975 (ICA) defines industrial activity as the making, altering, blending, ornamenting, finishing or otherwise treating or adapting any article or substance with a view of its use, sale, transport, delivery or disposal; and includes the assembly of parts and ship repairing but shall not include any activity normally associated with retail or wholesale trade. Industrial units also include stand-alone storage facilities or warehouses that is not mentioned in the ICA definition. However the publication has not captured the data on storage facilities.</i>
7.2	Jenis Harta Tanah Data adalah berdasarkan lawat periksa dalam dan luar kawasan pihak berkuasa tempatan. Jenis harta tanah industri merangkumi Jenis perindustrian termasuk unit teres, berkembar, sesebuah, kompleks perindustrian dan bertingkat.	7.2 Property Types <i>The data is conducted by survey within and outside local authority area. Property types include terraced, semi-detached, detached, industrial complex and flatted units.</i>
8.0	Pejabat Binaan khas	8.0
8.1	Definisi Bangunan binaan khas bermaksud satu kegunaan utama yang disokong oleh kegunaan sampingan. Kegunaan utama menggabungkan rekabentuk asal, yang mengoptimalkan ruang bagi manfaatnya. Apabila rekabentuk asal diubahsuai sebanyak 75% bagi memanfaatkan kegunaan lain, kegunaan asalnya akan ditukar dengan kegunaan baru. Inventori pejabat binaan khas dalam laporan NAPIC termasuk tempat perniagaan berbentuk perkhidmatan dijalankan dan bukannya pembuatan atau penjualan barangan. Ruang pejabat ini diperlukan untuk aktiviti kertas kerja, komunikasi serta lain-lain aktiviti pejabat. Dengan ini terma pejabat binaan khas digunakan untuk menunjukkan bangunan yang dibina secara khusus untuk pejabat sebagai kegunaan utamanya. Bagi pengumpulan dan penyebaran maklumat oleh NAPIC, kegunaan dominan bermaksud kegunaan pejabat adalah tidak kurang dari 75% daripada keluasan bersih yang disewakan. Penyebaran maklumat ruang pejabat adalah berdasarkan luas bersih yang disewakan sebagaimana yang dinyatakan di dalam <i>Uniform Methods of Measurement of Buildings</i> yang diterbitkan oleh Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia.	8.1 Definition <i>Purpose-built (as opposed to multi-purpose) signifies one primary use with supporting uses complimenting it. The intended use incorporates an original design, which optimises space for its benefit. When the original design is renovated by 75% to benefit another use, the original intention is replaced by the new use.</i> <i>NAPIC publication of purpose-built office inventory includes places where service-orientated businesses are carried out as opposed to goods being manufactured or sold. The office space is required to attend to paperwork for communication and other office activity.</i> <i>Therefore the term purpose-built office is used to denote buildings that are intentionally built with office as a dominant use. In data capturing and dissemination by NAPIC, dominant use means office use not less than 75% of the net let-table area. Office space information is disseminated based on the net let-table floor area according to the Uniform Methods of Measurement of Buildings of the Royal Institution of Surveyors Malaysia.</i> <i>Included within the inventory are:</i>

Termasuk di dalam laporan ini adalah:

- Ruang pejabat dalam pembangunan bersepadu
- Ruang dengan kegunaan asal misalnya pejabat tetapi telah ditukar kegunaannya buat sementara waktu

Tidak termasuk di dalam laporan ini adalah:

- Ruang pejabat dalam bangunan pelbagai guna di mana kegunaannya boleh bertukar ganti dengan kegunaan perniagaan, kediaman, hotel dan perindustrian
- Ruang pejabat yang mana telah ditukar dari kegunaan asalnya secara kekal

- Office space within integrated development
- Space with the original use as office but has changed use on a temporary basis

Excluded from the inventory are:

- Office space within multipurpose buildings where use can interchange with retail, residential, hotel and industrial use
- Office space that has permanently changed from the original use

9.0 Kompleks Perniagaan

9.1 Definisi

Kompleks perniagaan termasuk penubuhan perniagaan pelbagai unit dengan laluan pejalan kaki yang tertutup bagi menggalakkan aliran pejalan kaki untuk menampung aktiviti perniagaan. Maklumat kompleks perniagaan yang disebarkan oleh NAPIC merangkumi:

- Pusat membeli-belah
- Arked perniagaan
- Pasar raya besar (stand-alone)

Pusat beli-belah ialah penubuhan perniagaan binaan khas dominan yang dirancang, dibangunkan dan diurusniagakan dalam beberapa rangkaian dalam satu pusat untuk perniagaan. Bagi pengumpulan dan penyebaran maklumat oleh NAPIC, kegunaan dominan bermaksud kegunaan perniagaan adalah tidak kurang dari 75% daripada luas bersih yang disewakan.

Pusat membeli-belah mempunyai:

- Jalan-jalan keluar dalam kawasan tertutup yang mempunyai kawalan suhu dan ruang laluan pejalan kaki yang lebar
- Penyewa perniagaan runcit dan perkhidmatan yang telah dipilih bagi tujuan keseimbangan perniagaan
- Satu atau lebih penyewa utama
- Satu syarikat pengurusan
- Tempat letak kereta kegunaan bersama
- Sistem penyaman udara pusat
- Perkhidmatan keselamatan pusat
- Perkhidmatan kawalan kebakaran pusat
- Lif dan eskalator kegunaan bersama
- Lampu, tunjuk arah dan landskap kegunaan bersama
- Polisi pengurusan yang seragam
- Kegunaan sampingan seperti perbankan dan perkhidmatan lain, yang mana adalah kurang dari 25% daripada luas lantai bersih.

Arked perniagaan adalah kedai runcit dominan bagi tujuan perniagaan yang terletak di sebelah atau kedua-dua belah laluan kedai tersebut. Bagi pengumpulan dan penyebaran maklumat oleh NAPIC, kegunaan dominan bermaksud kegunaan perniagaan mestilah tidak kurang daripada 75% luas lantai bersih.

Arked perniagaan mempunyai:

- Kebiasaannya laluan pejalan kaki terbuka dan terdapat juga arked yang mempunyai ruang laluan pejalan kaki yang mempunyai kawalan suhu
- Penyewa runcit dan perkhidmatan kebiasaannya tidak terancang serta barangan yang dijual adalah serupa
- Tiada penyewa utama dalam arked
- Satu syarikat pengurusan
- Tempat letak kereta kegunaan bersama
- Kebiasaannya tiada sistem penyaman udara, tetapi terdapat juga arked yang mempunyai unit penyaman udara dan sistem penyaman udara
- Kebiasaannya tiada perkhidmatan keselamatan pusat
- Perkhidmatan kawalan kebakaran pusat
- Kebiasaannya tangga tetapi terdapat arked yang mempunyai lif dan eskalator kegunaan bersama
- Lampu, tunjuk arah dan landskap pada amnya adalah minimum
- Polisi pengurusan seragam yang minima
- Kegunaan sampingan seperti perkhidmatan insuran, yang mana adalah kurang dari 25% daripada luas lantai bersih.

9.0 Shopping Complex

9.1 Definition

Shopping complexes includes multi-unit retail establishments under a covered walkway that encourages pedestrian flow to sustain business activity. Shopping complexes disseminated by NAPIC includes:

- Shopping centres
- Shopping arcades
- Hypermarkets (stand-alone)

Shopping centres are purpose-built dominant retail establishments planned, developed and operated as a number of outlets within a centre for trade. In data capturing and dissemination by NAPIC, dominant use means retail use not less than 75% of the net lettable area.

Shopping centres have:

- Outlets within an enclosed climate-controlled and spacious walkway
- Retail and service tenants selected for merchandise balance
- One or more anchor tenants
- A single management company
- Common car parks
- Central air-conditioning
- Central security service
- Central fire fighting services
- Common lifts and escalators
- Common lighting, signage and landscaping
- Unified management policies
- Complimentary secondary uses like banking and other services, which are less than 25% of the net floor area.

Shopping arcades are dominant retail shops along one or both sides for trade. In data capturing and dissemination by NAPIC, dominant use means retail use not less than 75% of the net lettable area.

Shopping arcades have:

- Generally open-sided walkway and few have an enclosed climate-controlled passageway.
- Retail and service tenants mix generally unplanned and retail goods are generally similar in kind
- No anchor tenants within the arcade
- A single management company
- Common car parks or public car parks
- Generally no air-conditioning, some unit air-conditioning and few with central air conditioning
- Central security service generally unavailable
- Central fire fighting services
- Mostly stairways but some have common lifts and escalators
- General minimum common lighting, signage and landscaping
- Minimum unified management policies
- Complimentary secondary uses like insurance services, which are less than 25% of the net floor area.

Inventori arked perniagaan juga merangkumi:

- Ruang dengan kegunaan asal sebagai perniagaan tetapi telah ditukar kegunaannya buat sementara waktu.
- Ruang niaga dalam pembangunan bersepadu (di mana pelbagai kategori kegunaan saling membantu satu sama lain).

Tidak termasuk dalam laporan ini adalah:

- Ruang niaga dalam bangunan pelbagai guna di mana kegunaannya boleh bertukar ganti dengan kegunaan pejabat, kediaman, hotel dan industri.
- Ruang niaga yang mana telah ditukar dari kegunaan asalnya secara kekal.
- Ruang niaga dalam kompleks perniagaan yang digunakan untuk boling, medan selera, taman tema dan panggung wayang.

Pasar raya besar adalah pembangunan perniagaan yang mendapat faedah dari skala ekonomi akibat daripada saiz minimum yang besar dan menawarkan persaingan harga dan rangkaian barangan yang banyak. Pasar raya dalam data NAPIC termasuklah:

- Pembangunan perniagaan dengan keperluan modal minimum RM50 juta dan saiz minimum 5,000 m.p.
- Diuruskan oleh satu pemilik/ perbadanan dengan kemudahan umum.
- Bangunan bebas (freestanding) di bawah satu bumbung.

Tidak termasuk di dalam laporan ini adalah:

- Pasar raya yang mana merupakan penyewa utama di kompleks perniagaan.

10.0 Liputan Kajian

Liputan kajian bagi semua jenis sektor harta tanah kecuali hotel adalah seperti berikut:

- Dalam kawasan pihak berkuasa tempatan
- Skim perumahan
- Luar skim perumahan - bangunan yang mempunyai kelulusan pelan bangunan

11.0 Harta Tanah Riadah

11.1 Definisi

Merangkumi Hotel yang menyediakan penginapan jangka pendek yang mana tetamu hotel atau pengunjung perlu membayar kemudahan yang disediakan. Bilik yang disediakan adalah lengkap untuk penginapan sementara dan khidmat pembantu hotel.

Termasuk di dalam laporan ini adalah:

- Hotel yang menawarkan 10 bilik dan ke atas yang dikenalpasti oleh Kementerian Pelancongan.
- Motel, rumah tumpangan, chalet, kabin, kotej, rumah kampung, hotel resort.
- Hotel binaan khas dan bangunan pelbagai guna atau bangunan yang diubahsuai yang mempunyai lesen untuk beroperasi sebagai hotel.

Tidak termasuk:

Hostel, pangsapuri khidmat dan rumah rehat kerajaan.

Pangsapuri Khidmat yang dimasukkan dalam Laporan Stok Harta Tanah Riadah merupakan sesebuah bangunan yang turut menyediakan penginapan jangka pendek yang mana tetamu hotel atau pengunjung perlu membayar kemudahan yang disediakan. Setiap unit menyediakan ruang yang lebih besar berbanding dengan bilik hotel dan mempunyai suasana seperti sebuah rumah yang dilengkapi dengan ruang tamu, ruang makan, dapur dan bilik tidur daripada satu hingga empat bilik beserta bilik air. Perkhidmatan yang disediakan sama seperti hotel. Unit-unit ini adalah sebagaimana yang terdapat di dalam stok kediaman kecuali ianya dimiliki oleh pengusaha hotel atau dijalankan oleh mereka sebagai alternatif kepada bilik hotel.

Included within the inventory are:

- Space with the original use as retail but has changed use on a temporary basis.
- Retail space in an integrated development (where various category of use compliment each other).

Excluded from the inventory are:

- Retail space within multipurpose buildings where use can interchange with office, residential, hotel and industrial use.
- Retail space that has permanently changed from the original use.
- Retail space within shopping complexes for bowling alley, food court, theme park and Cineplex.

Hypermarkets are retail establishments that benefit from the economies of scale due to its large minimum size and offers competitive pricing and a wide range of goods. Hypermarkets in NAPIC publication include:

- Retail establishments with a minimum paid-up capital requirement of RM50 million and minimum size of 5,000 s.m.
- Operated by a single owner/corporation with common facilities/ amenities.
- A freestanding building under one roof.

Excluded from publication:

- Hypermarkets that are an anchor in shopping centres.

10.0 Coverage

The coverage of for all property sector except hotel are follows:

- Within local authority area
- Housing scheme
- Outside housing scheme - buildings that hare obtained building plan approval

11.0 Leisure Property

11.1 Definition

Includes hotel with a number of rooms within a building that provides short-term accommodation for hotel guests or travellers who pay for the services provided. The rooms provided are furnished for a short stay and maid service.

Hotel inventory includes:

- Hotels that offer 10 rooms and above as defined by the Ministry of Tourism
- Motels, lodging homes, chalets, cabins, cottages, kampong houses, resort hotels.
- Purpose-built hotels and multi-purpose buildings or modified buildings with a licence to operate as a hotel.

Excludes:

Hostels, serviced apartments and public operated rest house.

The Leisure Property Stock Report also includes serviced apartments, which are a number of units within a building that also provides a short-term accommodation for hotel guests and travellers who pay for the services provided. Each unit provides more space compared to a hotel room and has a home atmosphere like a living room, a dining room, a kitchenette and a choice of bedrooms from one to four rooms with attached bathrooms. Services provided are very similar to hotels. These units are similar to those under residential stock except that hoteliers own them or run them as an alternative to hotel rooms.

11.2 Jenis Harta Tanah Penyebaran NAPIC termasuk semua hotel yang berada di dalam sempadan negeri.	11.2 Property Types <i>NAPIC dissemination includes all hotels within the state boundary.</i>
11.3 Pengelasan Penerbitan adalah termasuk hotel yang diberi penarafan atau tidak. Pengelasan hotel ditentukan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia berdasarkan taraf antarabangsa. Hotel kelas ekonomi diberi penarafan okid (3 peringkat) dan selain itu adalah penarafan bintang (5 peringkat). Penarafan bintang bagi hotel-hotel di Malaysia dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.	11.3 Classification <i>Both rated and unrated hotels are included within the publication. Hotel rating classification is carried out by the Ministry of Tourism Malaysia based on international standards. Budget hotels are rated by orchid classification (3 levels) and the others are by star classification (5 levels). The rating of hotels in Malaysia is ongoing and carried out by the Ministry of Tourism and Culture Malaysia.</i>

Glosari

Q1- suku pertama
Q2- suku kedua
Q3 - suku ketiga
Q4 - suku keempat
bahagian
berkembar
bilangan bangunan
bilangan bilik
bilik
daerah
jumlah
jumlah penawaran
jumlah ruang
jumlah ruang dihuni
kadar ambilan
kadar penghunian
kadar purata penginapan
kedai tanpa inap
kelas
kilang bertingkat
kompleks industri
kompleks perniagaan
kondominium
lebih daripada 6 ½ tingkat
lokasi
negeri
padang golf
pangsapuri
pangsapuri khidmat
pejabat binaan khas
pekan/bandar
penawaran akan datang
penawaran yang dirancang
perubahan dalam kadar penghunian
RM semalam
rumah bandar
rumah berkelompok
rumah berkembar setingkat
rumah kos rendah
rumah pangsa
rumah pangsa kos rendah
rumah sesebuah
rumah teres setingkat
sebelum perang
sesebuah
siap dibina
stok sedia ada
tarif
teres
tiada data
tiada maklumat
tidak dikelaskan
tingkat

Glossary

: Q1 - first quarter
: Q2 - second quarter
: Q3 - third quarter
: Q4 - fourth quarter
: division
: semi-detached
: number of buildings
: number of rooms
: room
: district
: total
: total supply
: total space
: total space occupied
: take-up rate
: occupancy rate
: average occupancy rate
: lock-up shop
: class
: flatted factory
: industrial complex
: shopping complex
: condominium
: above 6 ½ storeys
: location
: state
: golf course
: apartment
: service apartment
: purpose-built office
: city/town
: incoming supply
: planned supply
: change in occupancy rate
: RM per night
: town house
: cluster house
: single storey semi-detached house
: low-cost house
: flat
: low-cost flat
: detached house
: single storey terraced house
: prewar
: detached
: completion
: existing stock
: tariff
: terraced
: ND – no data
: NA – not available
: NR (not rated)
: storey

Cawangan JPPH Di Seluruh Negara / JPPH Branch Offices

IBU PEJABAT NAPIC

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Aras 7, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
No. Tel: 03-88869000
No. Fax: 03- 88869007

PERAK

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Perak
Aras 8, Menara SSM
Jalan Basco Kepadang 1
Basco Avenue@Kepadang
31400 Ipoh
No. Tel:05 - 5432800

TERENGGANU

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Terengganu
Tingkat 9, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
No. Tel:09-6204550
No. Faks:09-6204551

WILAYAH PERSEKUTUAN

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Wilayah Persekutuan,
Tingkat 2, 1 Sentral,
KL Sentral, Jalan Travers,
50470 Kuala Lumpur
No.Tel: 03-22721760
No. Faks: 03-22721796

NEGERI SEMBILAN

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Sembilan
Tingkat 9, Bangunan Yayasan Negeri
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban
No. Tel:06-7638602
No. Faks:06-7639306

KELANTAN

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Kelantan
Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
No. Tel:09-7471763
No. Faks:09-7474975

SELANGOR

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Selangor
Tingkat 4, Plaza Perangsang
40000 Shah Alam
No.Tel:03- 55184603
No. Faks: 03 -55119907

MELAKA

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Melaka
Aras 7,Wisma Persekutuan
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka
No. Tel:06-2328205
No. Faks:06-2328202

PERLIS

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Perlis
Tingkat 2, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
No. Tel:04-9782763
No. Faks:04-9772595

JOHOR

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Johor
Bangunan JARO
No. 18, Jalan Sg, Chat
80100 Johor Bahru, Johor
No. Tel:07-2241707 / 2239933
No. Faks:07-2234266

KEDAH

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Kedah
Aras 2, Zon C, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit
06550 Alor Setar
No. Tel:04-7001900
No. Faks:04-7001903

SABAH

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok B, Bangunan KUWASA
Beg Berkunci 2043
88999 Kota Kinabalu
No. Tel:088-248325
No. Faks:088-242328

PULAU PINANG

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 41, Bangunan KOMTAR
10593 Pulau Pinang
No. Tel:04-2644914
No. Faks:04-2644915

PAHANG

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Pahang
Tingkat 2, Bangunan KWSP
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
No. Tel:09-5715111
No. Faks:09-5715113

SARAWAK

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Sarawak
Tingkat 3, Wisma Hong
No. 202, Lot 3012, Jalan Rock
93200 Kuching
No. Tel:082-255859 / 234051
No. Faks:082-234575

Untuk Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi :

For any enquiries, please contact:

Timbalan Pengarah (Bahagian Inventori Harta Tanah)

Tel : 03-8886 9102

Laman Web : <http://www.jp-ph.gov.my>

